

BAB 3: METODOLOGI PENULISAN *KULIAH PENGAJIAN AL-QUR'AN*

3.0 Pendahuluan

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menggunakan cara yang tersendiri dalam mempersembahkan ideanya kepada para pembaca *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Beliau menggarap ideanya yang tidak pernah terfikirkan oleh orang lain. Justeru itu, dalam bab 3 ini penulis akan menganalisis metodologi penulisan yang digunakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, dan juga sumber rujukan.

3.1 Metodologi Penyusunan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menyusun karyanya ini menggunakan metode *al-tafsīr al-mawḍū'ī* yang menghuraikan beberapa permasalahan yang dirasakan penting dalam memahami al-Qur'an. Beliau membahagikannya kepada 20 tajuk yang dibincangkan dalam 47 bilangan.

Karyanya ini disusun secara sistematik dengan meletakkan tajuk utama bagi setiap perbincangan. Sekiranya terdapat pecahan daripada tajuk-tajuk utama, beliau membahagikannya pula kepada pecahan tajuk kecil. Contohnya, ketika perbincangan mengenai *Sebenarkah Sebaran Agama Islam Tidak Mengandung Kekerasan*, terdapat dua tajuk kecil yang dibincangkan di dalamnya iaitu bahagian hidayah dan bahagian petunjuk.

Pengarang menggunakan pelbagai pendekatan bagi menentukan hala tuju perbincangan setiap tajuk. Contohnya pada tajuk pertama ketika membincangkan tajuk *Tilawah al-Qur'an al-Hakim atau Mengikuti Rahsia Pengajaran al-Qur'an*, beliau

memulakan perbincangan dengan mengemukakan ayat 121 daripada surah *al-Baqarah*, kemudian meneruskan perbincangan dengan pemikiran beliau sendiri dan juga rujukan kepada ayat-ayat al-Qur'an.¹ Terdapat juga tajuk-tajuk yang langsung tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Qur'an seperti tajuk *Kesilapan Ulama-ulama Tafsir*,² dan juga *Kisah-Kisah Yang Tersebut Di Dalam al-Qur'an Secara Berulang-Ulang*,³ beliau menyatakan pandangan beliau secara keseluruhannya mengenai tajuk-tajuk ini.

Selain daripada dalil-dalil naqli iaitu al-Qur'an dan hadith Nabi, beliau turut merujuk kepada banyak kitab-kitab muktabar untuk menyokong pemikiran beliau serta menguatkan lagi hujah perbincangan.

3.2 Penggunaan Ayat al-Qur'an Sebagai Dalil

Asas pentafsiran dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ialah *tafsīr al-mawḍū'ī*, iaitu suatu bentuk huraian terhadap tajuk-tajuk tertentu seperti yang dibentangkan oleh al-Qur'an menerusi ayat-ayatnya sama ada di dalam satu surah atau di dalam pelbagai surah.⁴ Berikut merupakan contoh bagaimana beliau mengemukakan ayat al-Qur'an serta mengaplikasikan *tafsīr al-mawḍū'ī*, buktinya dapat dilihat pada penyusunan bab dalam karyanya:

Dalam bilangan satu, beliau memulakan perbincangan dengan ayat 121 daripada surah *al-Baqarah*,⁵ ayat 29 daripada surah yang sama,⁶ dan ayat 15 daripada surah *al-Hujurat*.⁷

¹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an*, Bil. 1, edisi Jawi. t.t.p:t.p, h. 1.

² *Ibid.*, Bil. 22, h. 84-85.

³ *Ibid.*, Bil. 33-34, h. 127-128.

⁴ Zulkifli Hj. Mohd Yusof (2003), "Tafsīr al-Mawḍū'ī: Kajian Persejarahan", *Jurnal al-Bayan*, Bil. 1, Mei 2003, h. 29.

⁵ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 1, h. 1.

Bagi bilangan empat, di bawah tajuk *Hidup Manusia Berkehendak Kepada Ajaran Nabi-Nabi Yang Diutus Dari Tuhan*, beliau menyatakan bahawa Allah telah mengutuskan para nabi bagi setiap umat berdasarkan ayat 36 daripada surah *al-Nahl*,⁸ ayat 24 daripada surah *al-Fātir*,⁹ dan ayat 78 surah *al-Mu'min*.¹⁰ Dalam bilangan lima, beliau menyatakan Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya mengajak ahli-ahli kitab itu datang bekerja bersama dengan baginda mengikut asas pengajaran yang sama berdasarkan ayat 64 surah *Āli Imrān*,¹¹ dan juga ayat 28 daripada surah *Sabā*'¹² mengenai hanya Nabi Muhammad sahaja yang diutuskan untuk sekalian umat di dalam dunia ini.

Dalam bilangan lapan, di bawah tajuk *Tujuan Dibangkit Nabi Muhammad SAW Dan Asas Pengajaran al-Qur'an*, beliau mengemukakan ayat 9 surah *al-Şaff*'¹³ untuk menerangkan tujuan dan maksud kebangkitan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membawa suatu petunjuk kepada manusia.

Dalam bilangan sembilan, di bawah tajuk *Bagaimanakah Persaudaraan Islam Dibentuk Oleh al-Qur'an*, beliau mengemukakan ayat 62 daripada surah *al-Baqarah*'¹⁴ yang menjadi dalil bahawa umat agama-agama lain juga menjadi sebahagian daripada anggota persaudaraan Islam yang dianjurkan oleh al-Qur'an.

⁶ *Ibid.*, h. 2.

⁷ *Ibid.*, h. 3.

⁸ *Ibid.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 10.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, h. 11.

¹¹ *Ibid.*, Bil. 5, edisi Jawi, h. 13.

¹² *Ibid.*, h. 14.

¹³ *Ibid.*, Bil. 8, edisi Jawi, h. 27.

¹⁴ *Ibid.*, Bil. 9, edisi Jawi, h. 32.

Dalam bilangan sepuluh, beliau mengumpulkan beberapa ayat al-Qur'an yang saling berkaitan tentang perintah Allah kepada Nabi Muhammad SAW supaya menyeru umat-umat di dalam dunia ini supaya beriman kepada sekalian rasul-rasul dan segala kitab-kitab serta mengikut panduan Nabi Muhammad SAW. Ayat-ayat tersebut ialah 136 daripada surah *al-Baqarah*, 84, 85 dan 86 daripada surah *Ali 'Imrān*¹⁵ dan 136 surah *al-Nisā'*.¹⁶

Dalam bilangan 11, beliau membincangkan mengenai *Sebenarkah Sebaran Agama Islam Tidak Mengandungi Kekerasan*, beliau telah mengupas ayat 256 daripada surah *al-Baqarah*¹⁷ dengan panjang lebar tentang ramai ulama telah tersilap mentafsirkan ayat ini. Baginya ayat ini bukanlah bertujuan menunjukkan bahawa agama Islam tidak tersebar dengan cara kekerasan. Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW dengan dua kewajipan iaitu membawa petunjuk dengan cara berlemah lembut dan melahirkan kebenaran di dalam agama-agama keseluruhannya supaya setiap ahli agama itu bersatu padu dan bekerjasama di dalam ikatan persaudaraan. Nabi Muhammad SAW dituntut menggunakan kekerasan pada bahagian yang kedua ini.

Dalam bilangan 12, beliau menyambung perbincangan daripada bilangan 11. Beliau mengemukakan ayat-ayat yang menjelaskan tentang peranan hidayah atau petunjuk iaitu ayat 125 surah *al-Nahl*.¹⁸ Beliau juga menerangkan tentang taraf orang mu'min iaitu sama ada mereka beriman sepenuhnya dengan sempurna ataupun beriman sebahagian sahaja

¹⁵ *Ibid.*, Bil. 10, edisi Jawi, h. 34.

¹⁶ *Ibid.*, h. 35.

¹⁷ *Ibid.*, Bil. 11, edisi Jawi, h. 39.

¹⁸ *Ibid.*, Bil. 12, edisi Jawi, h. 41.

dengan mengemukakan ayat 10 surah *al-Hujurat*.¹⁹ Beliau juga menerangkan pujian Allah terhadap Nabi Muhammad SAW kerana bersikap berlemah lembut dengan orang-orang di sekelilingnya sebagaimana yang terdapat dalam ayat 159 surah *Āli Imrān*.²⁰ Pengarang turut menjelaskan cara-cara yang dianjurkan oleh Allah dalam pergaulan mereka seharian iaitu melalui ayat 2 surah *al-Mā'idah*,²¹ dan ayat 108 surah *al-An`ām*.²²

Dalam bilangan 13, pengarang melanjutkan perbincangan tentang Allah tidak menyuruh Nabi Muhammad SAW untuk memaksa kaumnya beriman sebaliknya Baginda perlu memberi tunjuk ajar dan memimpin mereka. Allah telah berfirman dalam ayat 99 surah *Yūnus* dan 21 hingga 22 surah *al-Ghāshiah* tentang peranan Nabi ini.²³ Dalam bahagian menegakkan agama yang benar pula, pengarang menggunakan dalil ayat 30 surah *al-Rūm* yang menjelaskan bahawa Allah memaksudkan supaya tiap-tiap seorang manusia dalam dunia ini supaya menegakkan haluan kehidupan mereka dengan berpandukan semangat kemanusiaan yang satu.²⁴

Dalam bilangan 14, pengarang telah mengemukakan perintah Allah dalam ayat 29 surah *al-Tawbah*,²⁵ supaya Nabi Muhammad SAW melaksanakan undang-undang keadilan bagi menjamin ketenteraman dan keselamatan bagi semua pihak walaupun dengan secara kekerasan.

¹⁹ *Ibid.*, h. 42

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*, h. 43.

²² *Ibid.*, h. 44.

²³ *Ibid.*, Bil. 13, edisi Jawi, h. 45.

²⁴ *Ibid.*, h. 48.

²⁵ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 51.

Dalam bilangan 15, beliau membincangkan tajuk *al-Qur'an Mengutamakan Semangat Taat Setia Yang Tulen Untuk Manusia Mencapai Matlamat Hidup*, beliau menggunakan ayat 2 surah *al-Anfāl*²⁶ untuk menjelaskan perihal iman. Mereka yang menentang iman pula dikenali sebagai kafir dan munafiq. Pengarang seterusnya dalam bilangan 16, menjelaskan bahawa golongan munafiq terbahagi kepada dua puak, puak yang pertama diterangkan oleh Allah dalam ayat 145 surah *al-Nisā'*.²⁷

Beliau kemudiannya menerangkan tentang peranan umat Islam sekiranya ingin menubuhkan khilafah Islamiyyah mestilah dengan dua cara iaitu *dīn al-ḥaqq*, dan dengan hidayah.²⁸ Justeru itu setiap muslim mesti sanggup mengorbankan kepentingan diri seperti yang telah dijelaskan di dalam ayat 24 dan 111 daripada surah *al-Tawbah*.²⁹ Berdasarkan dua ayat tersebut, Islam menekankan kebaikan yang dibuat oleh seseorang itu, bukanlah untuk dirinya semata-mata, tetapi kebaikan yang dilakukan seseorang itu adalah untuk keluarganya, bangsanya dan umatnya. Kerana itulah Allah membenarkan seseorang melakukan sesuatu yang ditegah dalam keadaan darurat. Bagaimanapun darurat tidak wujud dalam sesuatu peperangan bagi membolehkan seseorang muslim berundur dari medan perang. Ini berdasarkan ayat 15 dan 16 surah *al-Anfāl*.³⁰

Dalam bilangan 18, ketika membincangkan *Jenis Pengetahuan Yang Dikurnia Kepada Nabi-nabi Dan Kewajipan Nubuwwah*, beliau menyatakan bahawa al-Qur'an tidak mengandungi semua jenis pengetahuan yang diperlukan oleh seorang manusia,³¹ seterusnya

²⁶ *Ibid.*, Bil. 15, edisi Jawi, h. 56.

²⁷ *Ibid.*, Bil. 16, edisi Jawi, h. 57.

²⁸ *Ibid.*, h. 57.

²⁹ *Ibid.*, h. 58.

³⁰ *Ibid.*, h. 59.

³¹ *Ibid.*, Bil. 18, edisi Jawi, h. 66.

beliau menyangkal pendapat alim ulama yang menyatakan bahawa ayat 33 surah *al-Rahman*³² merupakan dalil manusia boleh mendarat ke bulan, serta menafikan bahawa ayat 125 surah *al-'An`ām* merupakan dalil bahawa seorang yang hendak naik ke langit akan menuju kepada satu peringkat yang mana mereka tidak akan dapat bernafas tanpa bantuan oksigen.³³

Dalam bilangan 20, pengarang membincangkan tajuk *Nabi-nabi Ahli Politik Yang Ditugas Memimpin Manusia Kepada Kebahagiaan*, beliau menjelaskan bahawa syariat-syariat dibentuk untuk sesuatu umat itu dengan mengekalkan sesuatu yang menjadi kebiasaan sesuatu kaum itu dan mengharamkan sesuatu yang telah diharamkan bagi sesuatu kaum dengan mengemukakan ayat 93 surah *'Āli 'Imrān*,³⁴ serta ayat 9 surah *al-Şaff*³⁵ yang menjelaskan bahawa nabi tetap mengekalkan dan menjadikan pemikiran atau amalan-amalan itu sebahagian daripada pengajaran dan syariat yang diwajibkan ke atas mereka. Kemudian beliau mengemukakan ayat 77 surah *al-Qaşāş*³⁶ yang menerangkan tentang rumusan yang dibuat oleh Allah mengenai maksud hidup manusia, daripada awal hidup hingga berpindah kepada alam *baqā'*.³⁷

Dalam bilangan 26, yang membincangkan tentang tajuk *Bagaimanakah al-Qur'an Mempertahankan Kebenaran Di Kalangan Golongan-golongan Yang Menentang*, pengarang membincangkan mengenai perkara-perkara yang telah diseleweng oleh kaum Yahudi dan Nasrani. Menurutnya orang Yahudi dan Nasrani merasakan mereka berhak

³² *Ibid.*, h. 67.

³³ *Ibid.*, h. 68.

³⁴ *Ibid.*, Bil. 20, edisi Jawi, h. 75.

³⁵ *Ibid.*, 76.

³⁶ *Ibid.*, h. 77.

³⁷ *Ibid.*, h. 77.

masuk syurga berdasarkan nama kaumnya sahaja tanpa perlu melihat kepada amalan mereka. Beliau mengemukakan ayat 24 surah *Āli ʿImrān* yang menjadi dalil bagi kaum Yahudi dan Nasrani tersebut.³⁸ Beliau kemudian membawa ayat 81 dan ayat 76 surah *al-Baqarah* untuk menyokong perbahasan mengenai perkara-perkara yang diseleweng oleh kaum Yahudi dan Nasrani itu.³⁹ Dalam bilangan 27, beliau mengemukakan ayat 53 surah *Yūsuf* untuk menerangkan mengenai mereka yang bersifat nafsu amarah sehingga menjadi bakhil dan tamak serta tidak mengambil berat dalam mendirikan hukum-hukum Allah.⁴⁰ Dalam bilangan 28, beliau membincangkan mengenai kaum Yahudi dan Nasrani yang telah terkeliru tentang Nabi Isa AS, tentang siapakah yang disalib, adakah Baginda atau bukan. Jadi beliau mengemukakan ayat 157 surah *al-Nisāʾ* yang menerangkan tentang hal yang sebenar iaitu Nabi Isa AS tidak dibunuh dan disalib.⁴¹

Dalam bilangan 29, beliau mengumpulkan ayat-ayat yang jelas menunjukkan bahawa di dalam dunia ini tiada satu pun umat yang tidak dikurniakan rasul dan kitab sebagai petunjuk. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 24 surah *al-Fāṭir*, ayat 36 surah *al-Naḥl*, ayat 196 surah *al-Shuʿarāʾ*,⁴² ayat 78 surah *al-Muʾmin*.⁴³ Beliau kemudian menyatakan bahawa sekalipun banyak ajaran agama yang diubah, masih terdapat kebenaran dalam agama seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat 64 surah *Āli ʿImrān*.⁴⁴

³⁸ *Ibid.*, Bil. 26, edisi Jawi, h. 96.

³⁹ *Ibid.*, h. 96-97.

⁴⁰ *Ibid.*, Bil. 27, edisi Jawi, h. 100.

⁴¹ *Ibid.*, Bil. 28, edisi Jawi, h. 105.

⁴² *Ibid.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 107.

⁴³ *Ibid.*, h. 108.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 111.

Dalam bilangan 30, pengarang mengemukakan ayat 93 surah *Āli ʿImrān* untuk menyokong pendapatnya bahawa kitab Tawrat yang masih tidak diseleweng masih wujud sehingga hari ini.⁴⁵

Dalam bilangan 32, pengarang membincangkan mengenai *al-Qurʿan Telah Diturunkan Mengikut Ukuran Fahaman Yang Semula Jadi Pada Tiap-Tiap Seorang Manusia Sebelum Mereka Belajar*, beliau telah mengemukakan beberapa contoh ayat al-Qurʿan yang menunjukkan kerendahan bahasa yang digunakan oleh Allah, ayat tersebut ialah 185 surah *al-Baqarah* dan 85 surah *al-Isrāʾ*.⁴⁶ Beliau kemudian menerangkan bahawa memang fitrah manusia berkehendak kepada tuhan sebagaimana firmanNya dalam ayat 65 surah *al-Ankabūt*.⁴⁷ Menurut pengarang, sekalipun al-Qurʿan diturunkan mengikut fitrah manusia, Allah tidak menghalang manusia untuk mempelajari ilmu malah menggalakkan makhlukNya supaya menuntut ilmu seperti yang dinyatakan dalam ayat 9 surah *al-Zumar*, dan 11 surah *al-Mujādalah*.⁴⁸

Dalam bilangan 37, beliau membincangkan tajuk *Beberapa Perkara Penting Mesti Difahami Oleh Tiap-Tiap Orang Yang Mempelajari al-Qurʿan Sebelum Daripada Mereka Membaca Ayat-Ayat al-Qurʿan*, menyatakan bahawa peranan manusia sebagai khalifah berdasarkan ayat 30 surah *al-Baqarah*.⁴⁹ Beliau juga memberikan tafsiran sebenar kepada ayat 105 surah *al-Anbiyāʾ* yang telah diseleweng ertinya oleh para mufassir.⁵⁰

⁴⁵ *Ibid.*, Bil. 30, edisi Jawi, h. 112.

⁴⁶ *Ibid.*, Bil. 32, edisi Jawi, h. 120.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 122.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*, Bil. 37, edisi Rumi, h. 169.

⁵⁰ *Ibid.*, h. 172.

Dalam bilangan 38, beliau menyatakan bahawa falsafah hidup manusia yang dikehendaki oleh Islam dan al-Qur'an adalah sebagaimana yang tersebut dalam ayat 88 surah *al-Qaṣaṣ*.⁵¹

Ketika menerangkan tentang tajuk pembahagian ayat *mutashābihāt* dan *muḥkamat*, pengarang telah merujuk kepada ayat 7 surah *Āli ʿImrān* yang menunjukkan pembahagian tersebut.⁵²

Dalam bilangan 41 hingga bilangan 45, beliau membincangkan tajuk *Masalah Nasakh Mansukh Di Dalam al-Qur'an*, jadi beliau mengemukakan banyak sekali ayat-ayat al-Qur'an yang dikatakan dinasakahkan oleh ayat yang lain, tetapi beliau mengemukakan penyelesaian dengan mengharmonikan ayat-ayat tersebut seperti yang dilakukan oleh Shāh Walī Allah al-Dihlawī dalam kitabnya, *al-Fawz al-Kabīr fī Uṣūl al-Tafsīr*.

Dalam bilangan 46 pula, ketika membincangkan mengenai *Bagaimanakah Al-Qur'an Mesti Ditafsirkan Mengikut Maksud-Maksud Yang Sebenar*, pengarang mengemukakan ayat 9 surah *al-Ḥijr*⁵³ yang merupakan janji Allah untuk memelihara al-Qur'an daripada penyelewengan, dan juga ayat 88 surah *al-Isrā'* yang menjelaskan tentang keagungan al-Qur'an.⁵⁴

Dalam bilangan yang terakhir iaitu 47, pengarang membincangkan tajuk *Bagaimanakah al-Qur'an Mesti Ditafsirkan*, dan mengemukakan ayat-ayat yang

⁵¹ *Ibid.*, Bil. 38, edisi Rumi, h. 173.

⁵² *Ibid.*, h. 175

⁵³ *Ibid.*, Bil. 46, edisi Jawi, h. 173.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 176.

menjelaskan ciri-ciri al-Qur'an iaitu ayat 2 surah *Yasin*, ayat 1 surah *Ṣad*, ayat 17 surah *al-Qamar*.⁵⁵ Beliau juga mengemukakan ayat 6 surah *Yūsuf*⁵⁶ untuk menerangkan tentang maksud perkataan *ta'wīl* di sisi Allah. Beliau juga mengemukakan ayat 7 surah *Yūsuf* dan 120 surah *Hūd*⁵⁷ untuk menjelaskan bahawa ayat-ayat al-Qur'an perlu dijadikan iktibar oleh para pembaca.

Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, ayat-ayat al-Qur'an dikemukakan sebagai contoh dan dalil bagi menyokong perbincangan yang dibuat oleh pengarang. Beliau menggunakan metodologinya yang tersendiri dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an. Setiap ayat al-Qur'an akan ditulis dalam baris yang berlainan dengan ayat yang dibincangkan. Kemudian di bawah ayat tersebut, akan ditulis terjemahan makna ayat, dan seterusnya dihuraikan maksudnya secara terperinci seperti berikut:

Di antara dalil-dalil yang mereka menyangka manusia boleh mendarat di bulan ialah bagaimana tersebut di dalam surah *al-Raḥman* ayat 33:

فَعَلَّمَ

Ertinya: Wahai golongan jin dan manusia jika kamu boleh menembus keluar dari sempadan langit-langit dan bumi cubalah kamu tembusikan. Kamu tidak boleh menembus keluar melainkan dengan sesuatu kekuasaan (*sulṭān*).

Di dalam ayat ini mereka telah mentafsirkan kalimah *sulṭān* iaitu kuasa kepada Nabi Muhammad SAW pergi mi'raj ke langit, dan kuasa yang dikurnia kepada Nabi Allah Isa AS waktu beliau diangkat ke langit, seperti itu juga kuasa ilmu pengetahuan yang diberi kepada angkasawan-angkasawan bangsa Amerika yang membolehkan mereka naik dan mendarat di bulan. Inilah tafsiran mereka yang telah dibuat dengan secara pemikiran yang tidak berasas. Tafsiran ini sesungguhnya suatu tahrif yang amat nyata di

⁵⁵ *Ibid.*, Bil. 47, edisi Jawi, h. 177.

⁵⁶ *Ibid.*, h. 179.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 182.

dalam pengertian kitab al-Qur'an. Dan lagi mereka berdalil dengan adanya tersebut misalan-misalan mereka hendak mendaki ke sebelah atas seolah-olah mereka tersesak nafas yang dimaksudkan dengan kesukaran yang amat sangat.⁵⁸

Terdapat juga huraian mengenai ayat-ayat al-Qur'an dikemukakan terlebih dahulu, barulah ayat al-Qur'an didatangkan sebagai menyokong perbincangan tersebut.⁵⁹ Di sinilah terletaknya kekuatan pentafsiran *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

3.3 Kitab Tafsir yang Menjadi Rujukan

Setelah dianalisis dalam keseluruhan teks karya *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, penulis mendapati pengarang lebih banyak menggunakan metode *tafsīr bi al-ra'yī*. Pendekatan ini menyebabkan wujudnya kelainan dengan mufassir lain di Malaysia yang sezaman dengannya. Kadang kala beliau juga menggunakan *tafsīr bi al-ma'thūr* dengan merujuk kepada mufassir lain seperti ketika mentafsirkan ayat 33 surah *al-Raḥman*,⁶⁰ dan ayat 7 surah *Āli 'Imrān*.⁶¹

Bagaimanapun, selain daripada menjadikan tafsir-tafsir muktabar sebagai rujukan pentafsiran, beliau turut merujuk kitab tafsir untuk menjelaskan definisi sesuatu perkataan atau menjadi penerangan kepada sesuatu isu.

Berikut merupakan kitab tafsir yang dirujuk oleh beliau:

⁵⁸ *Ibid.*, Bil. 18, edisi Jawi, h. 67 dan 68. Beberapa contoh yang lain dapat dilihat dalam Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 5, edisi Jawi, h. 14; Bil. 8, edisi Jawi, h. 27; Bil. 15, edisi Jawi, h. 35; Bil. 12, edisi Jawi, h. 41-44; Bil. 29, edisi Jawi, h. 107-109; Bil. 30, edisi Jawi, h. 112; Bil. 38, edisi Rumi, h. 173-175 dan lain-lain.

⁵⁹ *Ibid.*, Bil. 15, edisi Jawi, h. 56. Beberapa contoh yang lain dapat dilihat dalam Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 51; Bil. 16, edisi Jawi, h. 58; Bil. 20, edisi Jawi, h. 77; Bil. 26, edisi Jawi, h. 96 dan lain-lain.

⁶⁰ *Ibid.*, Bil. 18, edisi Jawi, h. 67.

⁶¹ *Ibid.*, Bil. 39, edisi Jawi, h. 178.

1) *Tafsir al-Bayḍawī* atau *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*⁶²

Nik Muhammad Salleh Wan Musa merujuk ulasan beliau ketika mentafsirkan ayat 33 surah *al-Raḥman*, dengan menyalin dan menterjemah pendapat beliau ke dalam karyanya.⁶³

2) *Tafsir al-Qur'ān bi Kalām al-Raḥman*

Karya ini dikarang oleh Shaikh Thana' Allah, tafsir ini dirujuk untuk menghuraikan mengenai ayat 77 surah *al-Mu'min*, yang membincangkan mengenai rasul-rasul yang diceritakan dan yang tidak diceritakan oleh Allah dalam al-Qur'an.⁶⁴ Tafsir ini juga dirujuk ketika beliau ingin menjelaskan huraian tentang ayat 33 surah *al-Raḥman*.⁶⁵

3) *Tafsīr al-Rāzī* atau *Mafāṭīḥ al-Ghayb*⁶⁶

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah merujuk kepada pendapat al-Razī bagi mengukuhkan pandangannya mengenai penyelewengan ulama-ulama tafsir dalam memahami ayat 7 surah *Āli Imrān* samada huruf-huruf *muqatta'ah* itu mampu

⁶² Pengarang kitab tafsir ini ialah 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad bin 'Ali, yang berasal dari daerah Syiraz, Iran. Beliau pernah menjawat jawatan qadi di Syiraz dan meninggal dunia pada tahun 691 H di Kota Ṭabriz. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1. Beirut: Dār al-Yūsuf, h. 304.

⁶³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 18, edisi Jawi, h. 69; Muḥammad bin Muṣliḥ al-Dīn Muṣṭafa al-Quwayjiy Muḥyi al-Dīn al-Ḥanafiy (1991), *Ḥāshiah Shaykh Zādah 'alā Tafsīr al-Qaḍī al-Bayḍawī*, j.4, Istanbul: Maktabah al-Ḥaḍīqah, h. 336.

⁶⁴ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (tt), *op.cit.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 11.

⁶⁵ *Ibid.*, Bil. 19, edisi Jawi, h. 70.

⁶⁶ Tafsir yang tergolong dalam kitab *tafsīr bi al-ra'yī* ini dikarang oleh Abū 'Abd Allah, Muḥammad bin 'Umar ibn al-Ḥusayn bin al-Hasan bin 'Alī, al-Tamīmī, al-Bakrī al-Ṭabarāstanī al-Rāzī dan beliau lebih dikenali dengan nama ialah Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Beliau dilahirkan di Rayy pada tahun 544 hijrah dan meninggal dunia di Harrah pada 606 H. Beliau menguasai pelbagai cabang ilmu seperti ilmu kalam, falsafah, ilmu bahasa, ilmu tafsir, ilmu aqli dan sebagainya. Beliau juga telah menghasilkan pelbagai karya dalam bidang-bidang yang dikuasainya. Antara karya yang dihasilkan ialah *al-Maṭālib al-'Āliyah*, *Kitāb al-Bayān wa al-Burhān fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Tughyān*, *al-Maḥṣūl*, *al-Mulakḥkhas*, *Sharḥ al-Ishārah li Ibn Sinā*, *Sharḥ 'Uyūn al-Ḥikmah*, *Sharḥ al-Wajīz fī al-Fiqh li al-Ghazālī* dan sebagainya. Muhammad Husayn al-Dhahabi (2000), *op.cit.*, j. 1. Beirut: Dār al-Yūsuf, h. 298.

difahami ataupun tidak. Beliau menyalin dan memasukkan pandangan al-Rāzī mengenai hal ini.⁶⁷

4) *Baḥr al-Muḥīṭ*⁶⁸

Nik Muhammad Salleh telah merujuk tafsir *Baḥr al-Muḥīṭ* ini untuk mendefinisikan maksud perkataan tafsir dalam bilangan 47.⁶⁹

5) *Ma`ālim al-Tanzīl*⁷⁰

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah merujuk kepada pandangan al-Baghawī mengenai maksud istilah *ta`wīl* dalam bilangan 47. Pandangan al-Baghawī ini dipetik daripada karangan Imam al-Suyūṭī dalam kitab *al-Itqān fī `Ulūm al-Qur`an*.

3.4 Penggunaan Hadith-hadith Nabi Sebagai Dalil

Selain menggunakan ayat-ayat al-Qur`an sebagai hujah bagi sesuatu penerangan, Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut menggunakan hadith-hadith Nabi sebagai hujah dan penerangan dalam karyanya ini. Hadith-hadith Nabi ditulis dengan pelbagai cara sama ada mendatangkan hadith dengan jelas periwayatannya, atau mendatangkan matan sahaja tanpa

⁶⁷ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 39, edisi Rumi, h. 178; Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin `Allāmah Ḍiyā` al-Dīn `Umar (1981), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mashhur bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb*, j. 2. Lubnan: Dār al-Fikr, h. 4.

⁶⁸ Nama penuh pengarang tafsir ini ialah `Athīr al-Dīn, Abu `Abd Allah, Muḥammad bin Yūsuf bin `Alī bin Yūsuf bin Ḥayyan, al-Andalūsī, masyhur dengan gelaran Abū Ḥayyan. Beliau dilahirkan pada tahun 654H, dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 745H di Mesir. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1., h. 325.

⁶⁹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil 47, edisi Jawi, h. 180; Muḥammad bin Yūsuf bin `Alī bin Yūsuf bin Ḥayyān (1993), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 121.

⁷⁰ Nama penuh pengarang kitab tafsir ini ialah Muḥammad Ḥusayn bin Mas`ūd bin Muḥammad, beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibn al-Farrā` dan juga al-Baghawī sempena nama suatu tempat iaitu Bagh atau Baghshur. Beliau dilahirkan pada bulan Jamadil Awal tahun 433 H, dan meninggal dunia pada 516H. Selain kitab tafsir *Ma`ālim al-Tanzīl*, beliau juga telah menulis banyak karya lain seperti *al-Kifāyah fī al-Qirā`ah*, *Sharḥ al-Sunnah*, *Maṣābiḥ al-Sunnah*, *al-Jam` Bayn al-Ṣaḥīḥayn*, *al-Anwār fī Shamā`il al-Nabiy al-Mukhtār* dan sebagainya. Lihat Abdul Rashid Ahmad (2003), "Al-Baghawī [433H-516H]: Seorang Tokoh Tafsir", dalam *Jurnal al-Bayan Bil. 5*, Jabatan al-Qur`an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 57-59.

sanad. Hadith yang dijadikan hujah pula kebanyakan didapati daripada *Kutub al-Sittah* melainkan beberapa hadith sahaja. Pelbagai pendekatan yang digunakan oleh pengarang berhubung dengan pengambilan hadith ini. Antaranya ialah memetik hadith dan menjelaskan sumber pengambilannya. Ini dapat dilihat seperti contoh-contoh berikut:

Contoh pertama:

Imam Muslim bin al-Hajjaj telah meriwayatkan dari Abi Hurairah RA bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda:-

إيماننا سبعة وعشرون فرعاً

Ertinya: Iman itu mempunyai tujuh puluh cawangan lebih. Dan sifat malu juga satu daripadanya.⁷¹

Contoh kedua:

Di antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Imām Bukhārī daripada Abu Hurairah dalam sabda Rasulullah SAW:

إيماننا سبعة وعشرون فرعاً
 ...
 + & ...

⁷¹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 10, edisi Jawi, h. 33; lihat Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-`Imān, h. 3, no. 9, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-`Imān, \ " * , + ždān 153, "dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abī Dāud, Sulaymān bin al-Ash`ath bin Ishāq al-`Azdī al-Sijistānī, Sunan Abī Dāud, Kitāb al-Sunnah, h. 1566, no. 4676, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Al-Tirmidhī, Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah bin Mūsā al-Tirmidhī, Jāmi` al-Tirmidhī, al-`Imān fī Rasūlillah, h. 1915, no. 2614; dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abū `Abd al-Raḥman `Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī bin Sunān al-Nasā`i, Sunan al-Nasā`i, Kitāb al-`Imān wa Shar`i`uhu, h. 2410, no. 5007 dan 5008, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁷² Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 11, edisi Jawi, h. 37; Lihat Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū`, h. 172 dan 195, no 2222 dan 2476, Kitāb `Aḥādīth al-`Anbiyā`, h. 281, no. 3448, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-`Imān, h. 703 dan 704, no 389, Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Al-Tirmidhī,

Contoh ketiga:

Imām Bukhārī RA telah menaql perkataan Sayyidina Abdullah bin Abbas ini di dalam *Jāmi`nya* di dalam *Kitab al-Tauḥīd* di bawah tafsir ayat firman Allah Taala:

بل هو القرآن مجيد في لوح محفوظ - Ṣaḥīḥ Bukhārī muka 1127, juzu' 1 beliau berkata:

Ertinya: Berkata Sayyidina Abdullah bin Abbas RA erti mengubah iaitu membuang tetapi tidak seorang pun berkuasa membuang satu lafaz tulisan yang terkandung di dalam kitab Allah itu malahan mereka mengubahkannya dengan secara *ta'wīl* yang dilakukan tidak mengikut usul *ta'wil* yang sebenar.⁷³

Kadang-kadang, beliau memetik hadith Nabi dengan tidak menyatakan sumber yang jelas. Ini dapat dilihat daripada contoh berikut:

Contoh pertama:

Seperti sabda Nabi SAW:

أنا وآل

Ertinya: Ulama-ulama di dalam umatku serupa dengan anbiya dalam Bani Israel⁷⁴

Contoh kedua:

Di antaranya beliau bersabda:

أنا

Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah bin Mūsā al-Tirmidhī, *Jāmi` al-Tirmidhī*, *Kitāb al-Fitan `An Rasūlillah*, h. 1876, no. 2233, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁷³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 25, edisi Jawi, h. 93; Lihat Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb Tauḥīd*, Bāb Qawl Allah Bal Huwa Qur`ān Majīd, h. 630, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁷⁴ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi Jawi, h. 8.

Ertinya: Sesungguhnya Allah tidak menghendaki dari atas arasy bahawa Abu Bakar itu akan melakukan kesilapan di dalam bumi ini.⁷⁵

Contoh ketiga:

Bersabda Nabi Muhammad SAW:

Ertinya: Sesungguhnya kamu akan mengikuti jalan-jalan hidup mereka yang terdahulu daripada kamu betul-betul seperti kasut sebelah kanan dengan kasut sebelah kiri.⁷⁶

Selain itu, beliau juga turut membentangkan makna hadith ketika membincangkan sesuatu perkara tanpa menulis matan dan sumber pengambilannya dengan jelas. Ini dapat dibuktikan seperti berikut:

Kalau pengenalan (ma`rifah) dan ibarat-ibarat atau istilah-istilah di sisi tiap-tiap umat yang lahir mengikut kadar kelayakan masing-masing itu tidak diiktibar dan diakui, tentulah Nabi SAW tidak mengakui iman seorang perempuan yang berkulit hitam tatkala ditanya kepadanya, "Aina Allah?" (di manakah Allah)? Maka ia menjawab dengan isyarat tangannya ke langit dan berkata "*fī al-samā`*", ertinya (di langit) lalu Nabi Muhammad SAW bersabda "*wa hiya mu'minah*" (ia seorang perempuan yang mu'min).⁷⁷

Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, Nik Muhammad Salleh bersifat kritis dalam menilai sesebuah hadith. Beliau tidak menerima sesuatu hadith dengan sewenang-

⁷⁵ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 9.

⁷⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 24, edisi Jawi, h. 90; Lihat Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-`Itisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, h. 610, no. 7320, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā`, h. 282, no. 3456, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-`Ilm, h. 1134, no. 2781, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁷⁷ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 12, edisi Jawi, h. 41; Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Masājid wa al-Mawāḍi` al-Solāh, h. 761, no. 1199, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abī Dāud, Sulaymān bin al-Ash`ath bin Ishāq al-`Azdī al-Sijistani, Sunan Abī Dāud, Kitāb al-Aiman wa al-Nudhur, h. 1468, no. 3282, h. 1469, no. 3284, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām; Abū `Abd al-Raḥman `Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī bin Sunān al-Nasā`i, Sunan al-Nasā`i, Kitāb al-Sahwi-al-Kalām fī al-Solāh, h. 2166, no. 1219, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

wenangnya tanpa menilai hadith tersebut terlebih dahulu sekalipun ia terdapat dalam kitab hadith yang muktabar seperti *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang telah diakui tentang kesahihan hadith-hadithnya. Beliau mengemukakan komentar beliau untuk menilai kesahihan sesuatu hadith. Ini dapat diperhatikan dalam bilangan 11 seperti berikut:

Di antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Imām Bukhārī daripada Abu Hurairah dalam sabda Rasulullah SAW:

..... ä ä

 + "

Hadith ini termasuk di dalam bahagian hadith-hadith yang tidak masyhur pada masa sebelum fitnah Sayyidina Uthman bin `Affan RA. Dengan sebab itu hadith ini telah ditolak oleh imam-imam dan pakar-pakar hadith yang masyhur seperti al-Imam Dāra Quṭnī dan lain-lainnya. Hadith ini juga telah tidak diriwayatkan oleh Imam Malik bin Anas di dalam kitab *al-Muwattā'*, iaitu sebuah kitab hadith yang diijma` oleh ulama Islam seluruhnya istimewa pula Imam al-'A`zam al-Shāfi`ī rahimahu Allah Taala telah mensifatkan bahawa kitab *Muwattā'* itu sebuah kitab yang terlebih sahih sekali kemudian daripada al-Qur`ān. Maka sejauh manakah hadith itu sah dijadikan hujjah walau pun diriwayatkan oleh Imām Bukhārī, apakala Imām Mālik di dalam kitab *al-Muwattā'*nya yang diakui sebagai asas bagi kelahiran Bukhārī itu tidak meriwayatkannya?⁷⁹

Daripada contoh di atas juga, dapat dilihat beliau menyatakan bahawa beliau lebih cenderung untuk merujuk kepada kitab *al-Muwattā'* karangan Imam Mālik bin Anas berbanding dengan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karya Imām Bukhārī, dan menganggap sesuatu hadith itu lebih sahih jika diriwayatkan oleh Imām Mālik berbanding Imām Bukhārī.

⁷⁸ Lihat Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī(2000), *op.cit.*, h. 172,195,281; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi(2000), *op.cit.*, h. 703,704; Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah bin Mūsā al-Tirmidhī(2000), *op.cit.*, h. 1876.

⁷⁹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 11, edisi Jawi, h. 37.

Hasil daripada penelitian penulis, didapati kebanyakan hadith di dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini adalah hadith yang diriwayatkan di dalam *Kutub al-Sittah*. Ini menunjukkan pengarang berhati-hati terhadap sumber pengambilan hadith.

Hasil daripada pemerhatian penulis, terdapat perbezaan antara matan hadith yang digunakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan matan hadith yang terdapat dalam *Kutub al-Sittah*. Ini berkemungkinan beliau menulis hadith tersebut berdasarkan ingatan ataupun hafazan beliau. Berikut merupakan contoh hadith-hadith yang terdapat dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* yang diambil dari *Kutub al-Sittah* yang mempunyai lafaz berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama.

Contoh pertama:

Dan sabdanya lagi:

Ertinya: Kebenaran itu berkata-kata di atas lidah Sayyidina Umar.⁸⁰

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imām Abī Dāud, al-Tirmidhī⁸¹ dan Ibn Mājah⁸² &

dengan lafaz dan sanad yang berbeza-beza. Berikut merupakan hadith yang terdapat dalam Sunan Abī Dāud yang mengandungi makna seperti hadith di atas:

..
..

⁸⁰*Ibid.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 9.

⁸¹Al-Tirmidhī, Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah bin Mūsā al-Tirmidhī, Jāmi` al-Tirmidhī, *Kitāb Fī Manāqib `An Rasūl Allah*, h. 2031, no. 3682, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁸²Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd bin al-Rab`iyy bin Mājah al-Qazwayni, Sunan Ibn Mājah, -al-Muqaddimah - *Faḍl Umar al-Khaṭṭab*, no. 108 h. 2484, dalam Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

..... ä
..... Ô
.....)

Contoh kedua:

Bersabda Nabi Muhammad SAW:

Ertinya: Sesungguhnya kamu akan mengikuti jalan-jalan hidup mereka yang terdahulu daripada kamu betul-betul seperti kasut sebelah kanan dengan kasut sebelah kiri.⁸⁴

Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan lafaz berbeza seperti berikut:

..... ä
.....)

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imām Muslim dalam *Ṣaḥīḥ al-Muslim* dengan lafaz yang sama tetapi berlainan sanad.⁸⁶

⁸³ Abī Dāud, Sulaymān bin al-Ash'ath bin Ishāq al-'Azdī al-Sijistānī, Sunan Abī Dāud, *Kitāb al-Khāraj wa al-Fiy' wa al-imārah*, h. 1444, no. 2961 dan 2962, Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁸⁴ Nik Muhammad Salleh Wan Musa(t.t), *op.cit.*, Bil. 24 edisi Jawi, h. 90, lihat juga dalam bil. 31 halaman 118, dan bil. 47, halaman 181.

⁸⁵ Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-'Iṭisām bi al-kitāb wa al-sunnah, h. 610, no. 7320, dan Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā', h. 282, no 3456, dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁸⁶ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-'Ilm- h. 1134, no. 2781, dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

Contoh ketiga:

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda di antaranya ialah bagaimana yang warid di dalam hadith. Bersabda Nabi Muhammad SAW:

Ertinya: Siapa-siapa yang menyeru dengan seruan jahiliah, maka tidaklah mereka daripada golongan kami.⁸⁷

Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan lafaz yang berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama dengan hadith di atas:

.....
.....
.....

Ia juga diriwayatkan oleh Imām Muslim,⁸⁹ al-Tirmidhī,⁹⁰ a-Nasā'i⁹¹ dan Ibn Mājah⁹² dengan lafaz yang sama dengan Imām Bukhārī tetapi berlainan sanad.

Contoh keempat:

Di dalam bahagian ini Nabi Muhammad SAW telah menentukan asasnya dengan pengakuan atau ikrar yang zahir sahaja, bersabda Nabi Muhammad SAW:-

⁸⁷ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 35 edisi Jawi, h. 134.

⁸⁸ Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā`īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Janā`iz, h. 101, no. 1296 dan 1298, dan Kitāb al-Manāqib, h. 287, no 3519, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁸⁹ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysāburi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-`Imān, h. 695, no. 285, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁹⁰ Al-Tirmidhī, Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah bin Mūsā al-Tirmidhī, *Jāmi` al-Tirmidhī*, Kitāb al-Janā`iz `an `An Rasūl Allah, h. 1746, no. 999, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁹¹ Abū `Abd al-Raḥman `Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī bin Sunān al-Nasā`i, *Sunan al-Nasā`i*, Kitāb al-Janā`iz, h. 2210, no 1861, 1863, dan 1865, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁹² Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd bin al-Rab`iyy bin Mājah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Mājah*, - Kitāb Mā Jā`a fī al-Janā`iz, h. 2571, no 1584, dalam *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

Ertinya: Sesiapa makan sembelihan kita, dan bersembahyang dengan sembahyang kita, dan menghadap dengan kiblat kita, maka mereka seorang muslim yang termasuk di dalam jaminan Allah dan jaminan rasulNya.⁹³

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* seperti berikut:

94

Selain itu, al-Nasā'i turut meriwayatkan hadith ini dengan lafaz dan sanad yang berbeza daripada Imam Bukhārī.⁹⁵

Bagaimanapun setelah ditakhrijkan, terdapat juga hadith yang tidak terdapat di dalam *Kutub al-Sittah*, sebaliknya terdapat dalam kitab hadith lain seperti *al-Mustadrak `alā al-Ṣaḥīḥayn* seperti berikut:

Sabdanya lagi:

Ertinya: Segala kepujian bagi Allah Tuhan yang memberi sokongan kepada aku dengan Abu Bakar dan Umar sebagai mana Ia memberi sokongan kepada aku dengan Jibra'il dan Mika'il.⁹⁶

⁹³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa(tt), *op.cit.*, Bil 15, edisi Jawi, h. 56.s

⁹⁴ Abū `Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣolāh, h. 34, no. 391, 392 dan 393, dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁹⁵ Abū `Abd al-Raḥman `Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī bin Sunān al-Nasā'i, Sunan al-Nasā'i, Kitāb Taḥrīm al-Damm, h. 2347, no 973, dan Kitāb al-Imān wa Sharā'ihuh, h. 2410, no. 4500, dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (2000), cet. 3, al-Riyad: Dār al-Salām.

⁹⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 4, h. 9.

Hadith ini terdapat dalam *al-Mustadrak `ala al-Ṣaḥīḥayn* dengan lafaz yang berbeza seperti berikut:

.....

 ā ä
 • ā ä
⁹⁷€ ä •€

Setelah diteliti, terdapat juga hadith yang dinyatakan di dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini sebagai sebuah hadith tetapi tidak dapat dikenalpasti oleh penulis. Berikut merupakan contoh bagi hadith-hadith tersebut:

Contoh pertama:

Seperti sabda Nabi SAW:

..... ä ā

Ertinya: Ulama-ulama di dalam umatku serupa dengan anbiya' dalam Bani Israel⁹⁸

Contoh kedua:

Di antaranya beliau bersabda:

..... ä

Ertinya: Sesungguhnya Allah tidak menghendaki dari atas arasy bahawa Abu Bakar itu akan melakukan kesilapan di dalam bumi ini.⁹⁹

⁹⁷ Abū `Abd Allah al-Hākīm al-Naysāburī (1997), *Al-Mustadrak `alā al-Ṣaḥīḥayn li al-Hākīm*. Kitāb Ma`rifah al-Ṣaḥābah Abū Bakar ibn Quhafah. Qahirah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī`, h. 82 n 83, no. 4509.

⁹⁸ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi Jawi, h. 8.

⁹⁹ *Ibid.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 9.

Contoh ketiga:

Dan sabdanya lagi:

“ ”

Ertinya: Cita-cita orang yang munafiq itu nafsu perutnya, dan cita-cita orang yang beriman itu kuda perangnya.¹⁰⁰

3.5 Kitab-Kitab Yang Dijadikan Rujukan Oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa

Untuk menyiapkan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, pengarang telah merujuk banyak sekali buku-buku muktabar untuk dijadikan penguat hujahnya. Beliau juga tidak gentar untuk memberikan kritikan-kritikan terhadap pendapat ulama-ulama terdahulu yang dirasakan bertentangan dengan kebenaran.

Berikut merupakan rujukan-rujukan utama dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

- 1) Karya-karya Shāh Walī Allah al-Dihlawī¹⁰¹

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah mula meminati karya tokoh *mujaddid* ini sejak masih kecil lagi. Sebelum berangkat ke Mekah untuk mendalami ilmu agama, beliau

¹⁰⁰ *Ibid.*, Bil 31, edisi Jawi, h. 118.

¹⁰¹ Shāh Walī Allah al-Dihlawī dilahirkan di Delhi, India pada hari Rabu, pada tarikh 4 Syawal 1114H bersamaan tahun 1702M. Nama penuh beliau ialah Quṭb al-Dīn, Aḥmad Walī Allah, Abū `Abd al-`Azīz bin Shāh `Abd al-Raḥīm. Beliau dikenali dengan nama Shāh Walī Allah, adalah dilahirkan dalam keluarga sufi yang mana nasabnya sebelah bapa adalah bersambung dengan Sayyidina `Umar al-Khaṭṭab, manakala di sebelah ibunya pula bersambung dengan Musa bin Ja`far al-Kazim. Beliau memulakan pengajian dengan mempelajari al-Qur'an dan mula menghafaz ketika berusia lima tahun, dan tamat ketika usianya belum 8 tahun. Beliau mempelajari Bahasa Parsi dan Arab selama 2 tahun, sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi al-Rahmaniyyah yang diasaskan oleh bapanya. Beliau menerima ijazah `Alimiyyah ketika usianya belum genap 18 tahun. Kemudian beliau dilantik sebagai pengetua sekolah tersebut dan mengajar *tafsīr*, *ḥadīth*, *fiqh*, dan ilmu-ilmu lain selama 12 tahun. Beliau telah menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu terutama yang berkaitan dengan hadith dan rahsia syariah. Karya ini adalah *Hujjah Allah al-Bālighah fi Asrār al-Syari'ah*, *al-Budūr al-Bāzighah*, *al-Musawwa*, *al-Musaffā fi Syarḥ Aḥādīth al-Muwatta*, dan lain-lain. Beliau juga turut menghasilkan risalah yang bertajuk Risalah *Ta`wīl al-Aḥādīth*, *Fuyūd al-Haramain*, *al-Qawl al-Jamīl*, *al-Durr-Thamīn*, *al-Irshād*. Shāh Walī Allah al-Dihlawī digelar seorang *mujaddid* bagi abad kedua belas Hijrah, bagi setiap yang mencatatkan biografi beliau pasti akan menukilkan bahawa beliau adalah *mujaddid* yang dilahirkan di abad kedua belas Hijrah. Beliau meninggal dunia ketika berusia 61 tahun 4 bulan pada tarikh 29 Muharram 1176 Hijrah bersamaan 1763 Masihi. Lihat Abdul Hayei Abdul Sukor (1990), "Biografi dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah al-Dihlawi", dalam Mohamad Kamil Ab Majid (ed.), *Tokoh-tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 55; G. N. Jalbani (1988), *Teachings of Shah Waliyullah of Delhi*. New Delhi: Nusrat Ali Nasri, h. 5.

sempat mempelajari kitab-kitab Shāh Walī Allah al-Dihlawī dengan abangnya Nik Abdullah Wan Musa. Kitab-kitab tersebut ialah *al-Fawz al-Kabīr*, *al-Insāf*, dan *Hujjah Allah al-Bālighah*.¹⁰² Bagaimanapun dua karya ulung Shāh Walī Allah al-Dihlawī yang paling digemari dan diminati ialah *al-Fawz al-Kabīr* dan *Hujjah Allah al-Bālighah*.

Nik Muhammad Salleh Wan Musa juga telah menyiapkan satu artikel dalam bahasa Arab yang memperincikan ketokohan Shāh Walī Allah al-Dihlawī dan faktor-faktor yang mengangkat beliau sebagai mujaddid alaf kedua. Artikel yang diberi tajuk *Tārīkh Wilādah al-Imām al-Shāh Walī Allah*¹⁰³ itu telah diterjemahkan oleh anak muridnya dan dimuatkan dalam buku *Dimensi Pemikiran Shāh Walī Allah al-Dihlawī dan Pengaruhnya di Malaysia*.¹⁰⁴

Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'ān*, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah merujuk banyak sekali kepada karya-karya Shāh Walī Allah al-Dihlawī. Karya tersebut ialah *Hujjah Allah al-Bālighah*,¹⁰⁵ *Tafhīmāt Ilahiyah*¹⁰⁶, *al-Fawz al-Kabīr fi Uṣūl al-Tafsīr*,¹⁰⁷ *al-Irshād ilā Muhimmāt 'Ilm al-Isnād*,¹⁰⁸ dan *al-Saṭa'āt*.¹⁰⁹ Malah sebahagian

¹⁰² Siti Rokiah Yusoff (1977), "Haji Nik Muhammad Salleh bin Haji Wan Musa: Seorang Tokoh Ulama Islah Kelantan" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 42.

¹⁰³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), "Tārīkh Wilādah al-Imām al-Shāh Walī Allah" dalam *Rencana Polisi Kajian Syariah Mengikut Mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah atau Makānah al-Imām al-Shāh Walī Allah al-Dihlawī fi Dirāsah al-'Ulūm al-Dīniyyah*. t.t.p: t.p, h. 13-22.

¹⁰⁴ Artikel ini telah diterjemah oleh Lukman bin Haji Latiff dan dimuatkan dalam buku *Dimensi Pemikiran Shāh Walī Allah al-Dihlawī dan Pengaruhnya di Malaysia* dengan tajuk Beberapa Nukilan Tentang Ketokohan Shāh Walī Allah al-Dihlawī, lihat Abdul Salam Muhammad Shukri (peny.)(2007), *Dimensi Pemikiran Shāh Walī Allah al-Dihlawī dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa, h. 77-99.

¹⁰⁵ Ini dapat dilihat pada Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 49; Bil. 17, edisi Jawi, h. 61; Bil. 18, edisi Jawi, h. 65; Bil. 32, edisi Jawi, h. 123; Bil. 35, edisi Jawi, h. 132.

¹⁰⁶ Ini dapat dilihat pada Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 19, edisi Jawi, h. 70; Bil. 35, edisi rumi, h. 163;

¹⁰⁷ Ini dapat dilihat pada Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 24, edisi Jawi, h. 90; Bil. 25, edisi Jawi, h. 93; Bil 27, edisi Jawi, h. 101; Bil. 33, edisi Jawi, h. 125; Bil. 38, edisi rumi, h. 174-176; Bil. 42, edisi Jawi, h. 160; Bil. 47, edisi Jawi, h. 181.

besar pendapat beliau adalah diambil daripada pandangan Shāh Walī Allah al-Dihlawī. Ini dapat dilihat dalam banyak bab terutamanya ketika membincangkan bab *nāsikh mansūkh*, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menyalin dan menterjemah pandangan Shāh Walī Allah al-Dihlawī dalam *al-Fawz al-Kabīr* ke dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.¹¹⁰

Berikut merupakan sebahagian daripada contoh rujukan beliau kepada kitab-kitab tokoh kegemarannya itu:

Contoh pertama:

Dengan sebab itu Allah mengikut hikmatNya telah menentukan bahawa di kalangan manusia ini ada segolongan yang dinamakan *al-Mufahhamūn* (mereka yang dikurniakan pengetahuan daripada Allah secara khusus) Hujjah al-Islam Shāh Walī Allah al-Dihlawī radīyallahu `anhu telah menerangkan hal golongan ini di dalam kitabnya *Hujjah Allah al-Bālighah* muka 176- juzu' 1:

Ertinya: Hendaklah diketahui bahawa setinggi-tinggi peringkat manusia ialah golongan *mufahhamūn*, mereka itu ialah ahli istilah (mereka yang mempunyai kekuatan malakiah yang seimbang dengan bahimiyah). Tetapi kekuatan malakiah mereka menduduki martabat yang teramat tinggi, yang mendorong mereka lahir suatu cita-cita di dalam usaha mendirikan peraturan (untuk membentuk masyarakat) dengan dorongan yang benar dan tercurah ke atas mereka itu beberapa pengetahuan dan ehwal Ilahi dari *Malā' al-'Alā*.¹¹¹

¹⁰⁸ Ini dapat dilihat pada Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 30, edisi Jawi, h. 114.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 42-45, Shāh Walī Allah al-Dihlawī (t.t), *al-Fawz al-Kabīr fi Usul al-Tafsīr*. Kota Bharu: al-Ḥājj Dā'ud al-'Aḥmadi, h. 37-51.

¹¹¹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi Jawi, h. 4; Shāh Walī Allah al-Dihlawī (t.t), *Hujjah Allah al-Bālighah*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīth, h. 176.

mereka itu mempunyai tabiat-tabiat yang semulajadi yang diciptakan mereka itu mengikut bentuknya, di atasnya lah terletak segala urusan hidup mereka pada keseluruhannya, seumpama fahaman buruk pada memilih binatang-binatang dan fahaman mengatakan alam ini qadim, itu adalah suatu tabiat yang diciptakan dengannya akan umat Hindu dan fahaman harus menyembelih binatang-binatang dan fahaman mengatakan alam ini baharu, itu tabiat semulajadi yang telah diciptakan dengannya akan keturunan sami (anak Nabi Allah Nuh AS) dari bangsa Arab dan Parsi. Kedatangan nabi-nabi tak lain hanya memerhatikan sesuatu yang telah pun sedia ada pada mereka itu, baik pun pada bahagian iktikad atau bahagian amal. Maka yang mana sebahagian daripadanya sesuai untuk membersihkan jiwa (*tahdhib al-nafs*) maka nabi-nabi itu menetapkan untuk mereka, dan menunjuk pula jalan kepada mereka supaya disempurnakan dan yang mana sebahagian daripadanya yang menyalahi dengan kebersihan jiwa itu maka nabi-nabi itu menegahkan mereka daripada perbuatannya.¹¹³

2) Karya-karya Ibn Khaldūn¹¹⁴

Muqaddimah Ibn Khaldūn merupakan antara kitab yang diminati oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa sejak beliau kecil lagi selain daripada *al-Fawz al-Kabīr*, dan *Hujjah Allah al-Bālighah*. Kata-kata Ibn Khaldun yang sangat memberi kesan kepada beliau ialah:

“Bermusafirlah dalam mencari ilmu pengetahuan dan berjumpalah dengan guru-guru yang boleh memberi kesan yang mendalam dalam dirinya.”¹¹⁵

Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, pengarang telah merujuk kepada karya Ibn Khaldun di beberapa tempat. Dalam bilangan lima hingga bilangan lapan, pengarang

¹¹³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 19, edisi Jawi, h. 70; Shāh Walī Allah al-Dihlawī (1970), *al-Taḥfīmāt al-Ilāhiyyah*. Hyderabad: Akādimiyyah al-Shāh Walī Allah al-Dihlawī, h. 92.

¹¹⁴ Nama penuh beliau ialah Walī al-Dīn `Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hassan bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin `Abd Rahman bin Khaldun. Beliau dilahirkan Tunisia pada 1 Ramadan 732 H bersamaan 27 Mei 1332 dalam keluarga Andalus yang berhijrah dari Andalusia ke Tunisia di pertengahan kurun ketujuh Hijrah. Beliau telah menghasilkan karya yang besar dalam bidang sejarah dan sosiologi iaitu *Kitāb al-'Ibar wa Diwān al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyām al-Arab wa al-Ajam wa al-Barbar wa man `Āsarahum min dhawī al-Sultān al-Akbar*. Beliau juga telah menyiapkan biografi mengenai dirinya sendiri yang diberi judul *al-Ta`rīf bin Ibn Khaldūn Mu`alif hadhā al-Kitāb*. Mohammad Abdullah Enan (2007), *Ibn Khaldūn His Life and Works*. Kuala Lumpur: The Other Press, h. 4.

¹¹⁵ Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 43.

membincangkan satu tajuk khusus iaitu *Pemikiran Umat Islam Telah Dipesong Oleh Teori Ibn Khaldun Dari Ajaran al-Qur'an*, beliau mengupas dan mengkritik mengenai pemikiran Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* yang menafikan keperluan nabi dalam kehidupan manusia kecuali umat yang badwi dan jakun sahaja yang perlu kerana mereka tidak mempunyai kelebihan untuk memikirkan sesuatu.¹¹⁶ Selain itu beliau turut merujuk kepada karya Ibn Khaldun yang lain iaitu *Dīwan al-Mubtadā' wa al-Khabar*.¹¹⁷

Berikut merupakan contoh rujukan beliau kepada pendapat Ibn Khaldun:

Sekarang saya bantangkan kepada saudara-saudara akan pendapat Ibn Khaldun bagaimana yang tersebut di atas. Tatkala beliau menolak pendapat falasifah tentang soal nubuwwah di dalam kitab *al-Muqaddimah* muka 36 bahasa Arab dan muka 47 bahasa Inggeris, beliau berkata:

Dan falasifah telah menambah di atas kenyataan ini dengan menarik perhatian hendak mensabitkan *nubuwwah* dengan dalil aqli dan ianya suatu kemahuan tabii bagi manusia. Mereka telah menerangkan dalil-dalil ini dengan panjang lebar bahawa manusia sangat berkehendak kepada undang-undang dari seorang utusan yang dibangkit oleh Allah SWT. Kemudian mereka berkata bahawa undang-undang yang dikehendaki itu hanya dengan kedatangan syariat yang diperintah daripada Allah menerusi seorang daripada jenis manusia (nabi) iaitu seorang yang mempunyai sifat-sifat yang berbeza dari manusia-manusia lain oleh kerana beberapa perkara yang diamanah oleh Allah Taala pada dirinya menerusi hidayah-hidayah yang khusus, supaya layak ditaati padanya, diterima perintahnya dan dengan sebab itu hukuman-hukuman dan hudud-hudud di kalangan mereka dapat dijalankan dengan tidak boleh ditolak dan tidak harus dibantah.

Kenyataan ini sebenarnya pada sisi falasifah tidak berasas kepada dalil-dalil bagaimana engkau sendiri akan dapat menyaksinya betapakah tidak kerana keadaan kehidupan manusia itu kadang-kadang boleh juga sempurna dengan ketiadaan nabi yang diutus oleh Allah SWT iaitu dengan cara paksaan yang dilakukan oleh seorang pemerintah dari pihak dirinya atau dengan semangat *taassub* yang sanggup menguasai dengan kekerasan ke atas orang ramai dan memimpin mereka mengikut peraturan yang ditetapkan.¹¹⁸

¹¹⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 5-8, edisi Jawi, h. 15-27.

¹¹⁷ *Ibid.*, Bil. 25, edisi Jawi, h. 94.

¹¹⁸ *Ibid.*, Bil. 6, h. 19-20., Ibn Khaldun (2006), *Mukadimah Ibn Khaldun*. c.5, terj., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

Selain daripada merujuk kepada tokoh-tokoh tersebut, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah merujuk buku-buku berautoriti daripada pelbagai bahasa samada Melayu, Arab dan Urdu. Ini menjadikan beliau benar-benar menguasai sesuatu topik yang dibincangkan malah beliau turut mengkritik pendapat yang tidak sesuai dengan pandangan beliau, dan pendapat yang beliau rasakan menyebabkan seseorang itu malas berfikir.

Berikut merupakan rujukan-rujukan yang telah beliau nyatakan sepanjang penelitian penulis:

- 1) *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah*¹¹⁹ dan *al-Iklil fi al-Mutashābih wa al-Ta'wīl*¹²⁰ oleh Imam Taymiyyah¹²¹
- 2) *ʿAbaqāt* karangan Imam Shah Ismail Shahid¹²²
- 3) *Ibn Khaldūn Ḥayātuhu wa Turāthuhu al-Fikrī* karangan Muhammad ʿAbd Allah ʿAdnan cetakan Kaherah pada tahun 1965.¹²³
- 4) *Tārīkh al-Ṭabari*¹²⁴ oleh al-Ṭabari¹²⁵

¹¹⁹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 11, edisi Jawi, h. 37-38.

¹²⁰ *Ibid.*, Bil. 40, edisi Rumi, h. 181-182.

¹²¹ Nama sebenar Ibn Taymiyyah ialah Aḥmad bin ʿAbd al-Ḥalīm bin ʿAbd al-Salām bin ʿAbd Allah bin Muḥammad bin al-Khiḍīr bin Muḥammad bin al-Khiḍīr bin ʿAlī bin ʿAli bin ʿAbd Allah bin Taymiyyah. Beliau dilahirkan di Harran, sebuah bandar yang terletak di utara Syria dan masyhur sebagai pusat keagamaan dan ilmu-ilmu Greek klasik pada 10 Rabiul Awal 661H bersamaan 22 Januari 1263M. Beliau telah meninggal dunia pada malam Isnin 20 Zulkeadah 728H bersamaan 26 September 1328M, dan jenazahnya dikebumikan di perkuburan al-Sufiyyah. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang tafsir, hadith, fiqh, ilmu kalam dan usul fiqh. Karya-karya beliau dikatakan mencecah ratusan buah, sebahagiannya adalah seperti *Majmūʿah al-Rasāʿil*, *Majmūʿah al-Rasāʿil al-Kubrā*, *Majmūʿah al-Rasāʿil wa al-Masāʿil*, *Majmūʿah Khams al-Rasāʿil*, *Majmūʿah Fatāwā*, *al-Ikhtiyārāt al-ʿIlmiyyah*, *Tafsīr Ibn Taymiyyah*, *Jāmiʿ al-Rasāʿil*, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Nadq Kalām al-Shīʿah*, *al-Sarim al-Masūl ʿalā Shatim al-Rasul* dan *Kitāb al-Nubuwwāt*. Mohamad Kamil Ab. Majid (1997), “Ibn Taymiyyah dan Sumbangannya kepada Islam”, dalam Mohamad Kamil Ab. Majid (ed.), *Tokoh-tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 1-16.

¹²² Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 109.

¹²³ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 8, edisi Jawi, h. 25.

¹²⁴ Al-Ṭabari (1961), *Tārīkh al-Ṭabari : Ṭarīkh al-Rusul wa-al-Mulūk*. Dār al-Maʿārif

- 5) *Fayṣal al-Tafrīqah*¹²⁶ dan *al-Muṣtasfā*¹²⁷ karangan Imam Ghazali
- 6) *Bhagavad Gita* dalam bahasa Hindustani
- 7) *Irshād al-Fuḥūl* oleh Imam Shawkāni¹²⁸
- 8) *‘Aqā’id Jalāli* oleh Jalāl al-Dīn¹²⁹
- 9) *Takmīl al-Azhān* oleh Rāfi` al-Dīn¹³⁰
- 10) *Izhār al-Ḥaqq* oleh Maulana Raḥmatullah al-Hind¹³¹
- 11) *Nabi Isa di dalam al-Qur’an dan Nabi Muhammad di dalam Bible* oleh Dr Hasbullah al-Bakri¹³²
- 12) *Ma`ālim fi al-Ṭarīq* oleh Sayyid Quṭb¹³³
- 13) *Insān al-Kāmil* oleh Sheikh `Abd al-Karīm al-Jīlī¹³⁴
- 14) *Kitāb Uṣūl al-Dīn* oleh `Abd al-Qāhir al-Baghdādī¹³⁵
- 15) *Fawātiḥ al-Raḥman* oleh Maulana `Abd Alī
- 16) *Sharḥ Ihyā’ `Ulūm al-Dīn* oleh Murtada al-Zabidi¹³⁶

¹²⁵ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 9, edisi Jawi, h. 29.

¹²⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 109.

¹²⁷ Al-Ghazzali (1970), *Al-Muṣtasfā min ‘Ilm al-Uṣūl: wa bi Dhaylihi Fawātiḥ al-Raḥamūt bi Sharḥ Mussallam al-Thubūt fī Uṣūl al-Fiḥ*. Maktabat al-Muthanna.

¹²⁸ Muḥammad ibn `Alī, al-Shawkāni (1937), *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘Ilm al-Uṣūl*. Misr: Muṣtafā al-Bābi al-Ḥalabī; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 109.

¹²⁹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 109.

¹³⁰ *Ibid*

¹³¹ Raḥmatullah Khalīl al-Raḥman al-Hind (1991), *Izhār al-Ḥaqq*. Al-Zāhir: Maṭba‘ah al-Thaqāfah al-Dīniyyah; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 109; Bil. 30, edisi Jawi, h. 112-113.

¹³² Dr Hasbullah al-Bakri (1966), *Nabi Isa di dalam al-Qur’an dan Nabi Muhammad di dalam Bible*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 29, edisi Jawi, h. 110.

¹³³ Sayyid Quṭb (1983), *Ma`ālim fi al-Ṭarīq*. Cet. 10. Beirut : Dār al-Shurūq; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 34, edisi Jawi, h. 128.

¹³⁴ `Abd al-Karīm bin Ibrahīm al-Jīlī (1997), *al-Insān al-Kāmil fī Ma`rifah al-Awākhir wa al-Awā’il*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 37, edisi rumi, h. 172.

¹³⁵ `Abd al-Qāhir Ibn Ṭāhir al-Baghdādī (1928), *Kitāb Uṣūl al-Dīn*. Istānbūl: Maṭba‘ah al-Dawlah, h. 223, Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 40, edisi rumi, h. 184

¹³⁶ Muhammad ibn Muhammad Murtada al-Zabidi (1989), *Iḥyā’ Al-Sādah Al-Muttaqīn Bi-Sharḥ Asrār Ihyā’ ‘Ulūm Al-Dīn*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī; Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 47, edisi Jawi, h. 180.

3.6 Kesimpulan

Keunikan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa ini bergantung kepada sumber penulisan, serta metodologi yang digunakan untuk mengupas sesuatu isu. Kepakaran yang dimiliki dalam bidang tafsir membolehkan beliau menghuraikan maksud-maksud ayat-ayat al-Qur'an dengan kupasan yang tersendiri tanpa terikat dengan tafsiran yang diberikan oleh mufassir terdahulu kecuali di beberapa tempat.

Dengan menggunakan konsep *al-tafsīr al-mawḍū'ī*, beliau telah menghuraikan sesuatu topik dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an yang saling berkaitan menyerlahkan lagi kekuatan dan ketokohan beliau. Beliau juga merujuk kepada banyak karya yang berautoriti dalam pelbagai bahasa ketika menyiapkan khazanah ilmu yang bernilai ini.

Sikap kritis ketika mengupas sesuatu isu mengajak para pembaca untuk sama-sama berfikir secara mendalam dan tidak menerima secara membuta-tuli sahaja. Di sinilah terletak kekuatan dan kewibawaan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai pengarang *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.